

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L  
ARULANANDRAM [ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM [ KUALA LANGAT]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan isu berkaitan dengan pemberian air kepada negara Singapura. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk merunding semula harga jualan air mentah ke negara Singapura.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu air antara Malaysia-Singapura melibatkan hubungan diplomasi dua-hala antara kedua-dua negara. Oleh itu, perkara ini sedang diselaraskan oleh Kementerian Luar Negeri.
2. Namun, pendirian Malaysia terhadap isu semakan semula harga air adalah amat jelas dan konsisten, iaitu Malaysia mempunyai dan mengekalkan hak untuk menyemak semula harga air mentah yang dijual kepada Singapura seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perjanjian Air Sungai Johor tahun 1962.
3. Proses perbincangan mengenai semakan semula harga air mentah ini telah diaktifkan semula sejak dari bulan Julai 2018. Proses ini seterusnya disambung dengan beberapa sesi perjumpaan antara dua negara pada 2 Disember 2019 dan 30 Januari 2020 bagi membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan semakan harga air mentah.
4. Rundingan antara kedua-dua Kerajaan mengenai semakan semula harga air di bawah Perjanjian Air Sungai Johor tahun 1962 dihentikan buat sementara waktu disebabkan oleh penularan wabak COVID-19. Perbincangan dan rundingan akan diteruskan semula selepas keadaan pandemik COVID-19 di Malaysia dan Singapura pulih sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.